

→ ISU

'Daftar pemilih dalam talian'

→ Syor tepati kehendak generasi muda sejajar reformasi pilihan raya

Oleh Mohd Azrone Sarabatin
azrone@bh.com.my

▀ Serdang

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) wajar melaksanakan pendaftaran pemilih secara dalam talian untuk warganegara berusia 18 tahun ke atas bagi memastikan tiada rakyat yang layak mengundi terlepas peluang memilih kerajaan.

Bekas Pengerusi SPR, Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof, berkata pendaftaran dalam talian lebih mudah kerana menepati kehendak generasi muda yang cenderung menggunakan teknologi digital.

Beliau berkata, cadangan itu juga sejajar reformasi pilihan raya yang mahu menurunkan had usia mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun.

Bagaimanapun, katanya, langkah itu memerlukan pindaan Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan pendaftaran pengundi mesti menggunakan borang khas.

"Saya juga mencadangkan pengundi mendaftar menggunakan alamat semasa bagi mengelak spekulasi SPR melakukan penipuan daftar pengundi.

"Ini berlaku kerana ada sebuah rumah mempunyai sehingga 40 pengundi, terutama di kampung kerana kediaman berkenaan di-

gunakan sebagai alamat semua ahli keluarga, termasuk berhijrah ke negeri lain.

Guna sistem biometrik

"Selain itu, SPR juga perlu menggantikan penggunaan dakwat kekal dengan sistem biometrik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjadi ahli panel Wacana Intelktual Reformasi Pilihan Raya: Impak Terhadap Demokrasi Di Malaysia di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, semalam.

Seorang lagi ahli panel ialah pengasas Institut Kajian Etnik (KITA),

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Ulung Datuk Dr Shamsul Amri Baharuddin, manakala pensyarah Fakulti Ekologi Manusia UPM, Prof Madya Dr Mohd Izani Mohd Zain bertindak sebagai moderator.

Sementara itu, Shamsul Amri berkata, budaya politik negara sejak pilihan raya pertama hingga sekarang masih dikongkong budaya politik 'lambang', iaitu mengundi berdasarkan simbol parti.

Beliau berkata, budaya itu dimanfaatkan oleh Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dengan menetapkan semua parti da-

lam Pakatan Harapan (PH) perlu menggunakan hanya satu simbol, iaitu PKR dan tindakan itu membuahkan kejayaan dalam Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14.

"Pada PRU 1974, saya bawa nenek saya mengundi. Dia pelik kerana tiada simbol kapal layar (Parti Perikatan) yang dengan sendirinya bermakna ketika itu mereka mengundi berdasarkan simbol.

"Ini mengingatkan saya kepada PRU Ke-14, Mei lalu. Saya dengar, ada parti berkempen jangan undi simbol dacing (Barisan Nasional). Kalau lambang mata (PKR) kena undi," katanya.

[FOTO SAIFULLIZAN TAMADI /BH]



Abdul Aziz (kiri) dan Shamsul Amri pada Wacana Intelktual Reformasi Pilihan Raya: Impak Terhadap Demokrasi Di Malaysia di Fakulti Ekologi Manusia, di Serdang semalam.